

KeBaL 7: Model 7 Strategi Pengajaran Kelancaran Bacaan Lisan (KeBaL), Bahasa Melayu Prasekolah”

*Nani Menon¹, Mazlina Che Mustafa ², & Aliah Aqilah Mohd Nizan ³

Nani Menon ¹, nanimenon107@gmail.com, Mazlina Che Mustafa ²,
mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my Aliah Aqilah Mohd Nizan ³, Aliah@gmail.com

Penerangan Produk

Kelancaran Bacaan Lisan (KeBaL7) merupakan sebuah model inovasi tujuh strategi pengajaran bacaan lancar lisan yang dibangunkan khusus bagi meningkatkan kemahiran kelancaran bacaan lisan Bahasa Melayu murid prasekolah di Malaysia. Model ini memberi tumpuan kepada tiga komponen utama kelancaran bacaan iaitu ketepatan, kadar, dan prosodi, serta digabungkan dengan tujuh strategi pengajaran yang telah disahkan oleh pakar. Ia dirangka sebagai panduan strategi pengajaran yang sistematik dan praktikal kepada guru prasekolah dalam merancang serta melaksanakan pengajaran bacaan lancar yang mengikut kesesuaian dan tahap kebolehan murid dalam bacaan, sekali gus model KeBaL menyumbang kepada kemahiran membaca lancar sebagai persediaan murid prasekolah memasuki darjah 1.

Objektif Inovasi

Tujuan umum pembangunan inovasi ini bertujuan untuk menghasilkan sebuah model strategi pengajaran KeBaL bagi meningkatkan kelancaran bacaan lisan murid prasekolah. Seterusnya Menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (**SDG 4 – Pendidikan Berkualiti**) melalui kelancaran bacaan murid yang akan memasuki darjah satu.

Objektif

- Membangunkan model strategi pengajaran KeBaL yang sistematik dan berstruktur bagi meningkatkan kelancaran bacaan lisan Bahasa Melayu murid prasekolah.
- Menyediakan strategi alternatif yang praktikal, fleksibel dan mudah dilaksanakan untuk menyokong keperluan murid yang berbeza tahap penguasaan membaca.

Pernyataan Masalah

Penguasaan kemahiran membaca pada peringkat prasekolah sangat penting kerana ia menjadi asas kepada kejayaan pembelajaran murid di sekolah rendah. Namun, sebahagian besar murid memasuki Tahun Satu masih belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan

mengira (3M). Data Kementerian Pendidikan Malaysia (2024) melaporkan seramai 122,062 murid Tahun Satu masih belum menguasai asas 3M, sekali gus menjejaskan kesiapsiagaan mereka menghadapi pembelajaran formal

Kelancaran bacaan lisan merupakan komponen kritikal yang menghubungkan pengecaman perkataan dengan kefahaman teks. Murid yang lemah dalam aspek kelancaran sering menghadapi kesukaran memahami kandungan bacaan, dan hal ini memberi kesan langsung kepada prestasi akademik mereka. Malah, kajian menunjukkan 90% masalah kefahaman berpunca daripada kelemahan kelancaran bacaan lisan (DiSalle & Rasinski, 2017). Oleh itu, pengajaran kelancaran bacaan lisan perlu diberi penekanan khusus di peringkat prasekolah.

Walau bagaimanapun, amalan pengajaran sedia ada masih cenderung bergantung pada satu strategi utama, iaitu bacaan berulang. Malah, tinjauan menunjukkan bahawa 86% strategi pengajaran tertumpu pada bacaan berulang, sekali gus menghadkan keberkesanan pengajaran dan tidak responsif terhadap keperluan murid yang berbeza. Kekurangan kepelbagaian ini menghadkan keberkesanan pengajaran dan tidak responsif terhadap keperluan murid yang berbeza. Justeru, pembangunan Model Strategi Pengajaran KeBaL dirangka bagi menyediakan pendekatan yang lebih sistematik, pelbagai, dan praktikal untuk meningkatkan kelancaran bacaan lisan murid prasekolah

Keaslian / Kebaharuan

Tujuh strategi pengajaran dalam Model KeBaL 7, iaitu Bacaan Berulang, Bacaan Berbantu, Bacaan Lantang, Bacaan Berpasangan, Kongsi Baca, Puisi Berirama, dan Aplikasi Teknologi, telah disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dengan mencapai konsensus pakar antara 93% hingga 100%, sekali gus melepasi syarat penerimaan minimum iaitu 70%. Semua 7 strategi menerima skor nilai ambang tinggi, bererti diterima pakar dan memenuhi kriteria penerimaan. Secara keseluruhan, kesemua elemen telah diterima sebagai strategi yang relevan dalam membentuk Model Pengajaran KeBaL.

Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Fuzzy Evaluation Process				Kesesakan
	Nilai Threshold, d	Status Kesesakan	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)	
1	0.068	100.00%	0.833	0.907	1	0.933	Terima
2	0.073	100.00%	0.82	0.96	1	0.927	Terima
3	0.068	100.00%	0.833	0.907	1	0.933	Terima
4	0.068	100.00%	0.833	0.907	1	0.933	Terima
5	0.108	100.00%	0.767	0.92	0.987	0.891	Terima
6	0.093	93.33%	0.807	0.947	0.993	0.916	Terima
7	0.070	100.00%	0.807	0.953	1	0.92	Terima

1. Strategi bacaan berulang
 2. Strategi bacaan berbantu.
 3. Strategi bacaan lantang.
 4. Strategi bacaan berpasangan.
 5. Strategi aplikasi teknologi
 6. Strategi kongsi baca
 7. Strategi puisi berirama



Selain itu, dari aspek penilaian kebolegunaan Model KeBaL 7, dengan menggunakan *Nominal Group Technique (NGT)* menunjukkan tahap kesesuaian sebanyak 92.17%, sekali gus membuktikan bahawa model ini sesuai diaplikasikan secara praktikal dalam pengajaran kelancaran bacaan lisan.”

Tahap Pelaksanaan

Pembangunan Model menggunakan Kaedah *Design and Development Research (DDR)* Model KeBaL 7, ini telah melalui fasa reka dan pembangunan di mana komponen dan 7 strategi pengajaran telah disahkan oleh 15 orang pakar yang terdiri daripada pensyarah pendidikan awal kanak-kanak, pengamal prasekolah, dan pakar bahasa. Manakala penilaian kebolegunaan telah disahkan kesesuaiannya oleh 35 guru pakar dan berpengalaman mewakili TABIKA di seluruh Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, model ini didapati sesuai serta bersedia untuk diaplikasikan dalam bilik darjah prasekolah sebagai panduan pengajaran kelancaran bacaan lisan.

Kegunaan dan Aplikasi

Model KeBaL 7 boleh digunakan oleh guru prasekolah sebagai panduan praktikal dalam merancang dan melaksanakan pengajaran kelancaran bacaan lisan. Dengan adanya strategi yang pelbagai, guru dapat memilih pendekatan yang sesuai mengikut tahap kebolehan murid.

Selain itu, model ini juga berfungsi sebagai bahan latihan guru dan asas kepada pembangunan modul pengajaran. Ia boleh dijadikan rujukan dalam kursus, bengkel, dan latihan profesional bagi memperkukuh kemahiran guru prasekolah.

Di samping itu, KeBaL 7 memberi nilai tambah sebagai rujukan kepada penggubal dasar dan penyelidik dalam memperkukuh kurikulum literasi kebangsaan. Model ini juga berpotensi diaplikasikan dalam program komuniti serta kerjasama rumah–sekolah bagi menyokong pembelajaran berterusan murid.

Impak Produk/Inovasi

Guru-guru mempunyai alternatif atau pilihan tujuh strategi pengajaran bacaan lancar yang boleh disesuaikan dengan kebolehan murid. Guru tidak perlu lagi bergantung kepada satu kaedah atau amalan tersendiri tanpa panduan.

Seterunya menyokong pembangunan murid prasekolah menjadi pembaca yang lancar, yakin, dan bersedia menghadapi pembelajaran formal di sekolah rendah.

Pencapaian

Model ini berjaya mendapat Konsensus pakar dalam FDM yang tinggi menggambarkan 7 strategi pengajaran bacaan lancar ini amat sesuai digunakan dalam pengajaran bacaan lancar murid prasekolah

Kebolegunaan strategi KeBaL oleh guru: 92.17% menyatakan sesuai dan boleh digunakan di prasekolah. Dapatan yang diperolehi menunjukkan terdapat konsensus yang tinggi di kalangan peserta

KeBaL 7 sebuah model yang model inovasi yang telah di berimpak nasional dengan potensi diguna pakai di peringkat serantau.